

[THE EDUCATION SYSTEM OF OTTOMAN EMPIRE IN THE 16TH CENTURY]

SISTEM PENDIDIKAN KERAJAAN ‘UTHMANIYYAH PADA ABAD KE-16M

Nurul Syafina Rosman

p104157@siswa.ukm.edu.my

Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization Faculty of Islamic Studies,
National University of Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Farid Mat Zain

farid@ukm.edu.my (Corresponding Author)

Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization Faculty of Islamic Studies,
National University of Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Abstrak

Kerajaan ‘Uthmāniyyah memberikan perhatian terhadap perkembangan intelektual dan pendidikan melalui pelbagai inisiatif. Institusi *ilmiye* menjadi sangat signifikan pada abad ke-16M. Ini kerana ia merupakan salah satu organisasi yang membantu melancarkan pentadbiran khususnya dalam aspek pendidikan. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis transformasi sistem pendidikan Kerajaan ‘Uthmaniyyah sehingga abad ke-16M iaitu era yang dikenali sebagai zaman klasik. Selain itu, artikel ini mengenalpasti kelestarian antara institusi *ilmiye* dan sistem pendidikan kerajaan pada waktu itu. Selanjutnya, artikel ini bertujuan mengetengahkan pencapaian dan kesinambungan yang berlaku dalam sistem pendidikan Kerajaan ‘Uthmaniyyah dalam tempoh tersebut. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan mengaplikasi analisis dokumen. Penulisan ini mendapat bahawa kemuncak kegemilangan pemerintahan kerajaan Uthmāniyyah pada abad-16M tersebut turut melonjakkan sistem pendidikan dan gerakan intelektualisme pada satu tahap yang cemerlang hingga menyaksikan beberapa orang ulama terkenal muncul seperti Ebussuûd Efendi. Namun begitu pada separuh kedua abad ke-16M, berlaku kepincangan dalam birokrasi memberikan impak tidak sedikit terhadap kualiti sistem pendidikan Kerajaan ‘Uthmaniyyah yang cemerlang itu.

Kata kunci: Kerajaan ‘Uthmaniyyah, sistem pendidikan, institusi *ilmiye*, intelektualisme, Ebussuûd Efendi

Abstract

The Ottoman Empire concentrated on the intellectual and educational development through various initiatives. Ilmiye institutions became very significant in the 16th century as one of the organizations that helped the administrative structure to run smoothly especially in the education aspect. This research is conducted by using a qualitative approach and applying a document analysis. This article aims to analyze the transformation of the education system in the Ottoman Empire until 16th century, the era known as the classical era. Besides, this study identifies the continuity between the ilmiye institutions and the education system of this empire. Furthermore, this article purposed to highlight the achievement and changes in the education system of the Ottoman Empire in the 16th century. This study finds that the glorious era of the Ottoman Empire in the 16th century also brought its education system and intellectual movement to an excellent level, even a competent scholar named Ebussuûd Efendi emerged. However, in the second half of the 16th century, the malfeasance of bureaucratic system had an impact on the quality of the Ottoman Empire's education system.

Keyword: Ottoman Empire, education system, *İlmiye Institution*, intellectualism, Ebussuûd Efendi

Article Received:
10 November 2021

Article Reviewed:
18 November 2021

Article Published:
30 November 2021

PENGENALAN

Pendidikan merupakan elemen penting dalam pembangunan modal insan sesebuah kerajaan. Kecekapan tadbir urus sistem pendidikan mampu memacu gerakan intelektual dengan lebih komprehensif. Sonmez (2013: 163) berpandangan bahawa sistem pendidikan sesebuah kerajaan mencerminkan falsafah, polisi dan gaya hidup mereka. Bertitik tolak daripada kenyataan itu dapat difahami bahawa dasar pemerintahan dan situasi politik semasa mampu mempengaruhi hala tuju sistem pendidikan dan intelektual. Jika berlaku kekacauan dan ketidakstabilan dalam kerajaan, maka situasi itu akan memberi kesan yang negatif terhadap pembangunan sistem pendidikan.

Menurut Hamidah (2002: 42) semua bentuk institusi pendidikan Kerajaan ‘Uthmaniyyah seperti madrasah dan sekolah-sekolah istana mencapai perkembangan pesat pada abad ke-15M dan abad ke-16M selari dengan era kegemilangannya. Kenyataan tersebut bertepatan dengan pandangan Ihsanoğlu (2004: 1), beliau menyatakan bahawa pada awal abad ke-14M hingga penghujung abad ke-16M, aspek keilmuan dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah berkembang pesat seiring dengan kemantapan ekonomi, sosial dan kebudayaannya. Kemajuan pelbagai bidang ilmu seperti geografi, astronomi, matematik dan fizik ketika kegemilangan Kerajaan ‘Uthmaniyyah menunjukkan bahawa kerajaan ini tidak hanya memberi tumpuan kepada kemajuan bidang politik dan pemerintahan sahaja, tetapi turut memberi penekanan terhadap kemajuan bidang intelektual (Abu Hanifah, 2020: 101).

Pada abad ke-16M ini juga sistem birokrasi ‘Uthmaniyyah mengalami perubahan ketara yang mana para pegawai kerajaan secara beransur-ansur dibahagikan mengikut laluan kerjaya dan bidang yang khusus. Berikutan daripada itu aspek berkaitan pendidikan dan intelektual diletakkan di bawah insitusi yang disebut sebagai *İlmiye* (Atçıl, 2009: 489). Namun begitu perubahan birokrasi yang berlaku terhadap Kerajaan ‘Uthmaniyyah memberikan kesan tidak sedikit terhadap aspek pendidikan. Hasilnya kegemilangannya tidak mampu bertahan lama. Menjelang pertengahan abad ke-16M hingga seterusnya aspek pendidikan mula mengalami kemerosotan (Hamidah, 2002: 42).

TRANSFORMASI SISTEM PENDIDIKAN KERAJAAN ‘UTHMANIYYAH

Proses pengajaran dan pembelajaran secara norma kebiasaanya adalah bermula daripada peringkat awal lagi iaitu di rumah. Kemudian berterusan melalui medium yang pelbagai dan lebih meluas. Dalam sejarah dan tamadun Islam, perkembangan kegiatan pengajaran dan pembelajaran adalah sejajar dengan penubuhan masjid. Pada peringkat ini pelbagai ilmu pengetahuan diajar dan dipelajari oleh seseorang individu muslim secara sistematik dan formal. Di samping itu juga, perkembangan kegiatan intelektual yang pesat dan pengurusan sistem sosial yang sistematik membawa kepada penubuhan institusi pendidikan yang lebih formal dalam kerajaan-kerajaan Islam.

Sonmez (2013: 163) menjelaskan bahawa sistem pendidikan mencerminkan tahap pencapaian sosial masyarakatnya. Ketamadunan dan peradaban sesebuah kerajaan boleh dilihat dan dinilai daripada pencapaian intelektual. Kenyataan beliau adalah seperti berikut,

The most direct way to recognize and introduce a civilization is to recognize and promote of its education system by training the society. Because the training has important clues to that civilization's philosophy, goals, policies, a type of people and how society and state that the civilization wants to reach.

Sistem pendidikan menjadi satu aspek yang penting bagi memacu pembangunan modal insan. Dalam peradaban Islam, gerakan intelektual dan keilmuan mencakupi ruang lingkup yang lebih meluas dengan menerima, mengadaptasi, mengasimilasi dan membuat penambahbaikan ilmu daripada tamadun luar selagi tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Oleh hal yang demikian, kegiatan intelektual institusi pendidikan dalam kerajaan-kerajaan Islam mencapai satu tahap yang cemerlang.

Pengaruh Luar terhadap Sistem Pendidikan dan Keilmuan Kerajaan ‘Uthmaniyyah

Kerajaan ‘Uthmaniyyah mewarisi sistem dan institusi pendidikan seperti masjid, madrasah dan kolej daripada kerajaan sebelumnya setelah menguasai wilayah-wilayah tersebut (Bicer, 2012: 2). Pendapat ini selari dengan kenyataan daripada Demirtaş (2007: 173) yang mana menurut beliau Kerajaan ‘Uthmaniyyah mewarisi sistem sekolah rendah atau Sibyan Mektebi daripada Kerajaan Seljuk dan kerajaan-kerajaan sekitarnya. Manakala, sistem madrasah yang dimiliki oleh Kerajaan ‘Uthmaniyyah pada peringkat awal dianggap sebagai institusi yang berlanjutan dalam tradisi pendidikan mapan yang telah dipraktikkan seperti di Amasya, Konya, Kayseri, Karaman dan Aksaray (Ihsanoğlu, 2002: 371). Begitu juga setelah menguasai wilayah Arab, sistem dan institusi pendidikannya diuruskan oleh Kerajaan ‘Uthmaniyyah. Walaupun begitu Kerajaan ‘Uthmaniyyah tidak memaksa sistem pendidikan di wilayah Arab mengadaptasi dan mempraktikkan sistem pendidikannya namun membenarkan tradisi sedia ada untuk dipraktikkan (Sabbagh, 2002: 251).

Malah itu juga, ‘Uthmaniyyah memanfaatkan sesebuah institusi atau bangunan yang dimiliki setelah mengambil alihnya daripada kerajaan bukan Islam untuk dijadikan pusat keagamaan dan intelektual. Hal tersebut dapat dilihat apabila institusi pendidikan pertama yang wujud dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah adalah madrasah yang dibina di Iznik pada tahun 1331M setelah menguasainya daripada Kerajaan Kristian (Inalcik, 1973: 166). Menurut Akgündüz dan Öztürk (2011: 49), setelah Orhan Bey menguasai Iznik, Hagia Sophia yang terletak di wilayah itu berubah fungsinya daripada sebuah gereja kepada masjid manakala biara pula ditukar menjadi madrasah dan seorang cendekiawan yang terkenal bernama Dawud al-Qaysari dilantik menjadi tenaga pengajar di sekolah itu. Semasa era pemerintahan Sultan Mehmed II pula beliau telah mengubah lapan gereja menjadi madrasah dan melantik seorang sarjana terkenal bagi menguruskan di setiap madrasah tersebut setelah berjaya membuka Constantinople (Lathiful, 2005: 26).

Pada awal abad ke-15M, mobilisasi para sarjana dari pusat intelektual dan kebudayaan yang lebih maju telah meningkatkan tahap pendidikan di Anatolia dan ‘Uthmaniyyah secara umumnya (Atçıl, 2017: 35). Para cendekiawan dari wilayah-wilayah lain iaitu dari pusat kebudayaan Anatolia seperti di Konya dan Kayseri dan sarjana dari Parsi, Turkestan, Mesir dan Syria dijemput oleh sultan bagi membantunya mendirikan sesebuah madrasah yang baru (Inalcik, 1973: 166). Sebagai contoh, Sultan Mehmed II telah menjemput sarjana dari pelbagai wilayah untuk menjalankan aktiviti keilmuan di Istanbul dan beliau memberikan bantuan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut (Shaw, 1976: 143). Menurut Roziah dan Nurliyana (2013: 40) Sultan Mehmed II mengundang para sarjana dari kerajaan-kerajaan Islam dan Barat seperti Byzantine, Italy, Serbia ke Istanbul untuk menjalankan aktiviti keilmuan. Peranan yang dimainkan oleh semua pihak dalam membangunkan institusi pendidikan dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah menyemarakkan lagi kegiatan intelektual dalam masyarakat.

Selain menjalankan kegiatan intelektual dalam wilayah ‘Uthmaniyyah, para sarjana kerajaan ini juga melakukan rihlah ilmiah bagi menuntut ilmu. Pada abad ke-14M dan abad ke-15M, ulama dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah akan ke Mesir dan Parsi untuk mempelajari ilmu tafsir al-Quran dan perundangan Islam, manakala untuk mempelajari matematik kebiasaannya para pelajar akan mengembara ke Samarkand, dan Dinasti Timurid pula menjadi pilihan untuk mempelajari ilmu agama dari ulama seperti Sa’d al-Dīn al-Taftazani dan al-Sayyid Sharīf al-Jurjānī (Inalcik 1973: 166-167). Perkara ini membuktikan berlakunya pengaliran ilmu daripada kerajaan lain ke dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah.

Pembangunan dan Perkembangan Sistem Pendidikan

Perkembangan sistem pendidikan tersebut adalah hasil usahasama daripada sultan, para ulama serta golongan intelektual. Sumbangan juga dapat dilihat melalui hasil penghijrahan para ilmuwan yang berasal dari pusat kebudayaan terpenting pada masa itu seperti di Mesir, Syria, Iran dan Turkestan ke Kerajaan ‘Uthmaniyyah (İhsanoğlu, 2002: 357&358). Oleh hal yang demikian, pelbagai infrastruktur dibina bagi membangunkan institusi pendidikan dan meraikan para penuntut ilmu. Perkara tersebut membantu dalam melancarkan lagi aktiviti pembelajaran dan pengajaran. Sebagai contoh madrasah yang dibina oleh Sultan Mehmed II mempunyai ruang kelas yang luas, dilengkapi dengan perpustakaan yang diwakafkan dan juga terdapat perpustakaan umum yang lain (Lathiful, 2005: 26).

Menurut Bicer (2012: 5) semasa era Sultan Mehmed II ilmu sains berkembang disebabkan oleh usaha beliau sendiri yang membina pelbagai institusi pendidikan dan membina perpustakaan yang besar di Istanbul. Kebajikan para pelajar juga diberikan keutamaan semasa pemerintahan Sultan Mehmed II melalui sumbangan biasiswa daripada sumber wakaf (Lathiful, 2005: 26). Menurut Inalcik (1973: 167) pada ketika itu setiap pelajar diberikan 2 akçes setiap hari daripada dana wakaf dan menerima makanan yang disediakan oleh pusat kebajikan sosial. Perkara tersebut turut dijelaskan oleh İhsanoğlu (2001: 507) yang mana kenyataan beliau adalah seperti berikut,

As schools and medreses were pious foundations (vakfs), education was free of charge. The students stayed in the rooms of the medreses which can be compared to contemporary dormitories, and they had free meals in the public kitchens. In addition they would be given a stipend which was usually two akçes.

Seiring dengan perluasan wilayah Kerajaan ‘Uthmaniyyah, institusi-institusi pendidikan juga semakin bertambah dan dibina di bandar-bandar seperti di Edirne, Bursa dan Istanbul. Antara abad ke-14M dan abad ke-16M, Kerajaan ‘Uthmaniyyah berjaya membina sekitar 350 madrasah (İhsanoğlu, 2002: 382). Sebagai contoh, Akbash (2014: 66) menyatakan bahawa sekolah perubatan pertama telah dibina di Bursa pada akhir abad ke-14M oleh Sultan Bayezid manakala semasa era Sultan Murad II pula telah Madrasah Saatlı dan Darül-hadis di Edirne. Selain itu juga, Sultan Bayezid II pula telah membina Kompleks Bayezid II di Edirne yang berfungsi sebagai hospital dan kolej perubatan (Heybeli, 2009: 2457). Antara tahun 1463M sehingga tahun 1470M pula, Sultan Mehmed II telah membina masjid dengan menamakan masjid tersebut dengan nama beliau dan mendirikan lapan madrasah disekitarnya di Istanbul (Inalcik, 1973: 167). Menurut Lathiful (2005: 26), madrasah yang dikenali sebagai Sahn-i Semān atau Semāniye itu terdiri daripada sekolah rendah dan juga menengah. Semasa era Sultan Mehmet II juga masyarakat minoriti iaitu Kristian diberikan kebebasan dalam aktiviti keilmuan dan pendidikan mereka (Gokçe & Oğuz, 2010: 47).

Seterusnya pula, bagi mengimbangi kekurangan pegawai kerajaan yang terlatih maka telah dibina pelbagai institusi pendidikan yang mempunyai aliran khusus. Sebagai

contoh Sultan Murad II menubuhkan sekolah istana bagi merekrut pegawai pentadbir kerajaan. Ihsanoğlu (2002: 390) menjelaskan bahawa sekolah istana atau juga dikenali sebagai Enderûn Mektebi adalah institusi pendidikan yang terletak di bawah organisasi istana bertujuan melatih pegawai kerajaan bestatus elit dalam struktur pentadbiran kerajaan. Sistem pendidikan di dalam sekolah istana ini tidak hanya berdasarkan pada kemampuan akademik malah juga menitik beratkan minat, kebolehan dan skil yang dimiliki oleh para pelajar (Sabancı et al., 2017: 49). Medresetu'l-Etibba atau sekolah perubatan yang dibina oleh Sultan Bayezid II pula menjadi institusi yang melahirkan doktor perubatan terlatih yang diselia oleh doktor pakar (Heybeli, 2009: 2460).

Transformasi sistem pendidikan Kerajaan 'Uthmaniyyah dari awal kemunculannya sehingga menjelang abad ke-16M dapat dilihat melalui proses mengadaptasi ilmu daripada kerajaan lain, membangun institusi pendidikan yang sedia ada dan membina yang baru, memberikan penekanan terhadap infrastruktur dan fasiliti bagi melancarkan gerakan intelektual serta aktiviti keilmuan. Selain itu juga, sistem pendidikan dalam Kerajaan 'Uthmaniyyah menjadi platform bagi melahirkan golongan pentadbir yang terlatih. Terdapat pelbagai bentuk institusi pendidikan yang didirikan di bandar-bandar utama dalam Kerajaan 'Uthmaniyyah sama ada yang memfokuskan pengajian agama, sains dan juga praktikal.

Kerangka Insitusi Pendidikan dan Kurikulum Pembelajaran

Sonmez (2013: 164) menyatakan bahawa sistem pendidikan Kerajaan 'Uthmaniyyah terbahagi kepada dua kategori iaitu pendidikan formal dan pendidikan tidak formal. Pembahagian bentuk pendidikan kerajaan ini berdasarkan pandangan Sonmez adalah seperti berikut,

1. Pendidikan formal

- a. Sibyan Mektebi (Sekolah rendah)
- b. Madrasah
- c. Enderûn Mektebi
- d. Institusi pendidikan ketenteraan

2. Pendidikan tidak formal

- a. Masjid
- b. Tekke (Pondok-pondok tarekat sufi)
- c. Rumah-rumah golongan bangsawan
- d. Istana dan perpustakaan
- e. Kafe

Secara asasnya kurikulum pembelajaran di institusi pendidikan Kerajaan 'Uthmaniyyah menurut Shaw (1976: 133) meliputi kursus seperti kaligrafi, bahasa Arab, tatabahasa, balaghah, syair, ilmu penaakulan seperti mantik, falsafah dan astronomi, dan kursus pengajian Islam seperti tafsir, akidah, *hadith*, *fiqh* dan *usul fiqh*. Kurikulum pembelajaran di Sibyan Mektebi pula merangkumi kursus asas yang mencerminkan fungsi sekolah ini sebagai institusi pendidikan formal di peringkat rendah seperti pengajian Islam, menulis, mengira dan membaca al-Qur'an adalah merupakan kursus wajib (Demirtaş, 2007: 174). Kurikulum pembelajaran bukan sahaja ditentukan oleh kerajaan malah turut dibiayai oleh institusi wakaf. Berdasarkan sistem pendidikan madrasah daripada Kerajaan Seljuk, pemberi wakaf berhak menentukan buku, sukan dan kaedah pengajaran di sekolah yang dibinanya (Gokçe & Oğuz, 2010: 42).

Sistem pendidikan di madrasah ‘Uthmaniyyah hingga abad ke-16M terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *medrese khārij*, *medrese dākhil* dan *sahn* (Özcan, 2015: 1611). Pada peringkat *medrese khārij* antara kursus yang dipelajari oleh para pelajar adalah asas tatabahasa dan sintaksis bahasa Arab, teologi, astronomi, geometri dan ilmu sastera, manakala di *medrese dākhil* pula melibatkan pengetahuan yang lebih kompleks seperti prinsip perundangan dalam kitab *al-Talwih fi Kashf Haqa’iq al-Tanqih* oleh al-Taftazani dan ilmu tafsir al-Qur'an melalui *al-Kashshāf* oleh al-Zamakhshari (Lathiful, 2005: 29). Manakala para pelajar di *sahn madrasah* pula mempelajari ilmu sastera sehingga mampu menyusun dan menghasilkan puisi di samping kursus-kursus lain seperti perundangan, teologi dan penafsiran al-Quran (Karaarslan, 2019: 1&71).

Institusi pendidikan yang mempunyai pengkhususan bidang mempunyai kursus tambahan dalam kurikulum pembelajarannya. Program akademik di sekolah istana atau Enderun Mektebi juga turut melibatkan ilmu-ilmu berkaitan agama Islam, bahasa, matematik, geografi, sejarah dan terdapat tambahan kursus khusus bagi mencerminkan sekolah ini sebagai institusi yang melahirkan bakal pegawai kerajaan iaitu kursus berkaitan sistem birokrasi, kelakuan dan tata tertib, budaya dan tradisi istana Kerajaan ‘Uthmaniyyah (Sabancı et al., 2017: 57). Menurut Abu Hanifah (2020: 102) sekolah istana yang diperkenalkan bagi melatih golongan elit yang bakal berkhidmat dalam pentadbiran istana ini memuatkan kursus berkaitan ketenteraan dan pentadbiran awam dalam kurikulumnya. Di sekolah ini juga, bahasa asing iaitu bahasa Arab dan Parsi turut diajar (Boyacıoğlu, 2015: 653).

Walaupun Turki bukan berbangsa Arab namun institusi pendidikan dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan universiti selama sekurang-kurangnya lima abad (Maksudoğlu, 1999: 265). Bahasa Arab menjadi elemen yang penting dalam sistem pendidikan ‘Uthmaniyyah dan tujuan bahasa ini dimuatkan dalam kurikulum pembelajaran adalah bagi memudahkan proses memahami sumber-sumber rujukan (Boyacıoğlu, 2015: 652). Tenaga pengajar yang diutuskan oleh Kerajaan ‘Uthmaniyyah ke wilayah Arab juga menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar (Sabbagh, 2002: 267). Malah menurut Sonmez (2013: 166) selain daripada bahasa Arab, beberapa Sibyan Mektebi di pusat kebudayaan terkenal ‘Uthmaniyyah turut memuatkan pengajian bahasa Parsi dalam kurikulum pembelajarannya.

Institusi pendidikan berbentuk tidak formal turut dibangunkan bagi merancakkan lagi perkembangan intelektual dan keilmuan dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah. Menurut Ihsanoğlu (2002: 393), institusi pendidikan dan kebudayaan tidak formal sering didapati di tempat-tempat seperti masjid, tekkes, perpustakaan, rumah-rumah pegawai dan sarjana ‘Uthmaniyyah yang kaya, pusat-pusat ini melengkapkan lagi pendidikan formal yang diberikan di madrasah. Sebagai contoh semasa era Sultan Mehmed II, seorang tokoh sufi yang dikenali sebagai Shaykh Vefa mendirikan perpustakaan tekke pertama dalam kerajaan ini, di samping itu Gedik Ahmed Pasha iaitu seorang *grand vizier* ‘Uthmaniyyah turut membina kompleks perpustakaan di Afyonkarahisar (Erünsal, 2007: 37). Kewujudan perpustakaan persendirian memberikan peluang kepada masyarakat awam memperolehi dan mengakses sumber-sumber rujukan dengan mudah. Manakala pusat pendidikan di setiap tekke pula menjalankan kegiatan intelektual berkaitan sufisme atau ilmu tasawuf yang tidak diperolehi di madrasah (Ihsanoğlu, 2002: 393).

Pendidikan formal dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah dapat disimpulkan sebagai platform bagi merekrut golongan pentadbir yang terlatih. Manakala pendidikan tidak formal pula bersifat terbuka kepada masyarakat awam untuk terlibat sama dalam aktiviti keilmuan. Kedua-duanya mempunyai peranan yang penting dalam menyemarakkan lagi gerakan intelektual dan keilmuan. Kurikulum pembelajarannya disesuaikan berdasarkan peringkat pengajaran dan fungsi sesebuah institusi tersebut, malah dalam pada masa yang sama juga masih menitikberatkan kursus-kursus berkaitan pengajaran Islam.

KESINAMBUNGAN INSTITUSI *ILMIYE* DAN SISTEM PENDIDIKAN KERAJAAN ‘UTHMANIYYAH PADA ABAD KE-16M.

Bermula pada abad ke-16M, institusi pentadbiran dan kewangan melatih pegawai mereka sendiri dan bukan lagi melantik graduan lulusan madrasah. Perkara tersebut menyebabkan pengurangan fungsi institusi *ilmiye* dan akhirnya institusi ini hanya bertanggungjawab dalam bidang kehakiman dan sistem pendidikan (Atçıl, 2009: 490). Oleh hal yang demikian, institusi *ilmiye* muncul sebagai sebuah organisasi yang bersifat mandiri dan membentuk sistem birokrasi hierarki pada abad ke-16M (Kararslan, 2019: IV).

Kedudukan Institusi *Ilmiye* dalam Pentadbiran Kerajaan ‘Uthmaniyyah

Stratifikasi sosial dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah mempunyai konsep yang lebih kurang sama dengan kerajaan Islam yang lain. Sultan menjadi peneraju utama dalam pemerintahan dengan dukungan beberapa komponen penting bagi membangunkan kerajaan seperti golongan pentadbir, askar, ilmuan dan juga rakyat biasa. Setiap satunya mempunyai tanggungjawab tersendiri berdasarkan kedudukan masing-masing.

Masyarakat yang berada di bawah penguasaan Kerajaan ‘Uthmaniyyah dibahagi kepada dua kelompok sosial iaitu *askeri* dan *reaya*. Golongan pertama yang disebut sebagai *askeri* ini merupakan golongan elit yang terlibat dalam struktur pentadbiran seperti pemerintah, pegawai kerajaan, tentera dan golongan ilmuan (Ágoston & Masters, 2009: 616). Akgündüz & Öztürk (2011: 420) menjelaskan dengan lebih terperinci bahawa golongan ilmuan yang terdiri daripada *muderrise*, *kadi* dan *sayyid* (mempunyai susur galur keturunan Nabi Muhammad SAW) juga tergolong dalam kategori *askeri*. Manakala kelompok kedua pula ialah *reaya* merupakan golongan masyarakat biasa yang tidak terlibat dalam struktur pentadbiran kerajaan dan mereka perlu membayar cukai (Inalcik, 1973: 68).

Selain itu juga, Shaw (1976: 112-134) dan Ihsanoğlu (2001: 494) mempunyai penerangan yang lebih jelas mengenai stratifikasi sosial dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah iaitu masyarakat terbahagi kepada dua kelompok, *askeri* dan *reaya*. Kemudian keduanya membahagikan pula *askeri* kepada empat subkelompok iaitu keluarga diraja, *seyfiye* (golongan yang terlibat dalam perkhidmatan ketenteraan), *ilmiye* (kelompok masyarakat yang bertanggungjawab dalam aktiviti kegamaan, kehakiman dan gerakan intelektual) dan *kalemiye* (pegawai pentadbir yang bekerja di pejabat pemerintahan kerajaan). Terdapat tiga perkara penting dalam menjadi anggota yang berada di bawah kategori *askeri* iaitu menerima dan mengamalkan ajaran Islam, taat setia kepada sultan dan kerajaan dalam menjalankan tugas, manakala yang ketiga pula ialah seseorang individu itu mestilah mengetahui serta mempraktikkan bahasa, norma dan budaya bangsa Turki (Shaw, 1976: 113). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa seseorang individu yang terlibat dalam perkhidmatan kerajaan sama ada dalam aspek pertahanan atau pendidikan perlu mengimplementasi syarat-syarat tersebut bagi menjamin tadbir urus kerajaan berada pada indikator yang baik.

Ilmiye adalah institusi penting yang membentuk sistem birokrasi kerajaan Uthmāniyyah bersama-sama dengan *seyfiye* dan *kalemiye* (Bektaş, 2020: 10). Shaw (1976: 132) menjelaskan signifikan institusi *ilmiye* dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah iaitu,

*Learned (*Ilmiye*) Institution, which was in charge of organizing and propagating the faith of Islam, maintaining a united community of Muslims, interpreting, applying and enforcing the religious law (*Şeriat*), expounding the religious sciences in the mosques and schools, and also maintaining standards and training new learned men.*

Berdasarkan kenyataan tersebut menunjukkan bahawa golongan yang berada dalam kelompok *ilmiye* secara jelasnya bertanggungjawab memperkasakan ajaran Islam agar menjadi tunjang utama kerajaan dan memastikan masyarakat mempraktikkan Islam dalam kehidupan seharian. Di samping itu, institusi ini juga berperanan dalam menguruskan sistem pendidikan agar dapat melahirkan ulama dan intelektual muslim yang menjadi modal insan dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah. Ihsanoğlu (2001: 507) juga mengutarakan pandangan yang selari dengan menyatakan bahawa peranan institusi *ilmiye* sangat meluas sehingga mencakupi perkara-perkara yang melibatkan pengurusan masjid seperti imam dan juga bilal.

Terdapat beberapa komponen yang diletakkan di bawah institusi *ilmiye* iaitu ulama dan golongan intelektual, sistem perundangan, kebudayaan dan sastera klasik, manakala sistem pendidikan menjadi asas kepada institusi *ilmiye* (Shaw, 1976: 134-139). Menurut Bektaş (2020: 10) pula institusi *ilmiye* adalah melibatkan jawatan-jawatan seperti ulama yang dilatih di madrasah, *şeyhülislam*, *kadi*, mufti, *nakibuleşraf*, *kadiasker* dan guru madrasah. Secara jelasnya, sistem pendidikan dan gerakan intelektual dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah pada abad ke-16M adalah saling berkait dengan institusi *ilmiye*. Institusi pendidikan melahirkan para ilmuan dan pegawai yang menjadi tunggak utama dalam institusi *ilmiye*, manakala institusi *ilmiye* pula bertanggungjawab bagi menjamin kelangsungan kualiti sistem pendidikan.

Proses Perlantikan Pegawai *Ilmiye*

Pada abad ke-14M, sistem pendidikan ‘Uthmaniyyah banyak bergantung kepada mobilisasi sarjana dari pusat-pusat kebudayaan Islam, namun bermula pada awal abad ke-15M dan seterusnya, sistem pendidikan ‘Uthmaniyyah berjaya melahirkan para sarjana dan ulama yang mencukupi bagi memenuhi keperluan di institusi-institusi pendidikannya (Atçıl, 2017: 41). Perkara tersebut menjadi semakin jelas pada abad ke-16M apabila institusi *ilmiye* secara langsung menjadi laluan kerjaya dalam bidang pendidikan. Menurut Inalcik (1973: 171) ulama ‘Uthmaniyyah direkrut melalui sistem pendidikan di madrasah, mempunyai hierarki kedudukan dan sistem pelantikan yang ketat. Terdapat beberapa fasa yang perlu dilalui oleh seseorang ulama dalam membina karier.

JADUAL 1. Perjalanan Karier sebagai *Muderrise*, *Kadi* dan *Shaykh al-Islam*

| Peringkat pertama (<i>Muderrise</i>) | Peringkat kedua (<i>Kadi/Kadiasker</i>) | Peringkat tertinggi (<i>Mufti/Syeikh al-Islam</i>) |
|--|--|---|
| <i>Ibtida-yi Haric</i> <i>Harekat-i Haric</i> <i>Ibtida-yi Dahil</i> <i>Harekat-i Dahil</i> <i>Masjid Sahn</i> | <i>Kadi</i> di bandar kecil, bandar besar dan di 30 bandar utama dalam kerajaan ‘Uthmāniyyah | Mufti |
| <i>Sahn-i Seman</i> <i>Ibtida-yi Atmisli</i> <i>Harekat-i Atmisli</i> | <i>Kadi</i> di Mekah, Madinah, Edirne, Bursa, Mesir, Damsyik, Aleppo, Jerusalem | Mufti |
| <i>Masjid Suleymaniye</i> <i>Suleymaniye</i> <i>Darül-hadis</i> | <i>Kadi</i> di Istanbul, <i>Kadiasker</i> di Anatolia dan Rumeli | <i>Shaykh al-Islam</i> |

Sumber: Inalcik (1973: 170)

Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan bahawa untuk menjadi *shaykh al-Islam* dan mufti seseorang ulama itu melalui pelbagai fasa dalam kariernya dimulai dengan menjadi guru di madrasah, kemudian menjadi *kadi* (hakim) atau *kadiasker* (ketua hakim) dan seterusnya baru berkelayakan menjawat jawatan tersebut. *shaykh al-Islam* hanya akan

dilantik dalam kalangan *kadi* atau *kadiasker* di tiga wilayah utama iaitu Istanbul, Anatolia dan Rumeli. Selain itu juga, perjalanan karier tersebut juga boleh berlainan daripada penerangan dalam Jadual 1 disebabkan oleh penilaian terhadap pencapaian dan kompetensi seseorang pegawai *ilmiye* itu. Inalcik (1973: 171) menghuraikan bahawa para pelajar yang telah tamat pengajian di Sahn-i Seman juga layak menjawat jawatan sebagai *kadi* di bandar-bandar kecil. Atçıl (2009: 496) membuat perbahasan yang lebih jelas dengan mencerakinkan kepada beberapa faktor utama yang mempengaruhi proses perlantikan pegawai *ilmiye*. Pembahagiannya adalah seperti berikut,

1. Pengaruh latar belakang keluarga. Atçıl merungkai bahawa latar belakang keluarga mempengaruhi perkembangan dan perjalanan karier seseorang ulama. Di mana terdapat 29 orang pegawai yang bapanya berkhidmat dalam institusi *ilmiye* memperolehi pekerjaan sebelum tahun 1550M, berbanding pegawai lain yang keluarganya tidak berkhidmat dalam institusi ini. Kenyataan ini turut disokong oleh Karaarslan (2019: 68), beliau menjelaskan bahawa individu yang tidak mempunyai ahli keluarga dalam organisasi *ilmiye* dianggap tidak mempunyai sokongan profesional yang padu untuk menjadi pegawai dalam institusi ini.
2. Pengaruh latar belakang geografi dan pendidikan awal. Menurut Atçıl antara faktor utama dalam melantik seseorang pegawai *ilmiye* itu adalah berdasarkan penilaian terhadap tempat kelahiran dan pendidikan. Pegawai yang dilantik kebiasaannya berasal dari wilayah kekuasaan ‘Uthmaniyyah dan membesar serta mendapat pendidikan di sekolah yang terletak di pusat bandar utama kerajaan ini iaitu Istanbul, Edirne atau Bursa. Selain itu juga, seseorang pegawai yang lahir dan bersekolah di wilayah kekuasaan ‘Uthmaniyyah selain dari tiga bandar utama itu turut diberikan keutamaan untuk dilantik.
3. Tahap pendidikan. Pelajar yang berjaya menamatkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi berpeluang untuk menjadi pegawai berbanding yang lain namun perlu melalui satu proses tertentu. Atçıl menjelaskan bahawa setelah menamatkan pengajian seseorang pegawai tersebut akan menjadi *mulazem* (calon) dan perlu menjalani tempoh latihan yang tertentu sebelum dilantik menjadi tenaga pengajar di sekolah atau hakim di bandar-bandar besar dan kecil. Calon-calon yang berjaya membuktikan kompetensi intelektualnya akan cepat diserap masuk menjadi pegawai *ilmiye*.
4. Pengalaman menjadi tenaga pengajar, *kadi* (hakim) dan *kadiasker* (ketua hakim) dan mufti. Kebanyakan pegawai *ilmiye* yang bergred tinggi memulakan karier mereka sebagai guru pada awalnya. Setelah itu pula, berkhidmat sebagai hakim, ketua hakim dan mufti, kemudian barulah berpeluang menjadi *shaykh al-Islam*. Pengalaman menjawat pelbagai posisi tersebut amat penting kerana jawatan *shaykh al-Islam* adalah posisi tertinggi dalam hierarki *ilmiye* yang memerlukan kepada individu yang serba boleh bagi mengelola aspek agama, pendidikan dan badan kehakiman dalam kerajaan.

Senario Sistem Pendidikan Pada Awal Abad ke-16M

‘Uthmaniyyah memelihara dan memberikan dinamisme baru terhadap warisan budaya dan intelektual dunia Islam. Perkara tersebut telah membawa kepada kemunculan pusat intelektual yang berkembang di wilayah-wilayah seperti Bursa, Edirne, Istanbul, Skopje, dan Sarajevo (Ihsanoğlu, 2004: 49). Bermula dari awal penubuhan kerajaan ini sehingga abad ke-15M, pelbagai madrasah dan pusat intelektual dibina. Oleh hal yang demikian sistem pendidikan Kerajaan ‘Uthmaniyyah adalah sangat kompleks memasuki abad ke-16M sejajar dengan perluasan wilayah dan struktur pentadbiran yang semakin rumit. Terdapat enam orang sultan yang telah memerintah Kerajaan ‘Uthmaniyyah pada abad

ke-16M, iaitu dimulai dengan Sultan Bayezid II sehingga Sultan Mehmed III. Para sultan dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah terlibat sama secara langsung dalam sistem pendidikan kerajaan yang mana menurut Roziah dan Nurliyana (2013: 40) pemerintah ‘Uthmaniyyah pada abad ke-16M seperti Sultan Selim I, Suleyman, Selim II dan Murad III turut memberikan galakan dan naungan ke atas para sarjana dan aspek pendidikan.

Setelah mengambil alih Mesir pada tahun 1517M daripada Kerajaan Mamluk semasa pemerintahan Sultan Selim I, secara rasminya Universiti al-Azhar berada di bawah penguasaan Kerajaan ‘Uthmaniyyah. Menurut Ghazzal (2008: 77) selama tiga abad Mesir berada di bawah kekuasaan Kerajaan ‘Uthmaniyyah iaitu dari tahun 1517M sehingga 1798M, perbelanjaan di Universiti al-Azhar banyak bergantung kepada sistem wakaf. Kerajaan ‘Uthmaniyyah juga menghantar ulama seperti mufti ke institusi-institusi pendidikan di Afrika Utara yang bermazhab Hanafi untuk menyebarkan mazhab itu walaupun masyarakat Islam di wilayah tersebut bermazhab Maliki (Sabbagh, 2002: 267). Semasa era pemerintahan Sultan Suleyman dari tahun 1520M sehingga tahun 1566M, berlaku perubahan dalam pengurusan pentadbiran di al-Azhar yang mana pada tahun 1522M badan kehakiman Mesir yang berada di bawah pengawasan al-Azhar dikendalikan oleh birokasi kerajaan (Ghazzal, 2008: 77). Perkara tersebut memperlihatkan keterlibatan pemerintahan Kerajaan ‘Uthmaniyyah terhadap institusi pendidikan di wilayah-wilayah yang berada di bawah naungannya. Walaupun memberikan kebebasan kepada masyarakat tempatan menguruskan sistem pendidikan secara sendiri namun masih terdapat beberapa perkara yang melibatkan pihak kerajaan pusat di Istanbul.

Selain daripada pengajian di peringkat universiti, madrasah merupakan institusi pendidikan yang memainkan peranan penting dalam pembentukan intelektual dan peradaban dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah. Menurut Özcan (2015: 1611) institusi madrasah berkembang pesat pada abad ke-15M dan abad ke-16M. Komponen dalam kurikulum pendidikan mempunyai sedikit perubahan semasa pemerintahan Sultan Suleyman yang mana terdapat pertambahan ilmu-ilmu berkaitan sains (Shaw, 1976: 146). Pada awal abad ke-16M pula, lebih banyak mata pelajaran yang diperkenalkan lebih tertumpu kepada sains perubatan, matematik dan sains fizik, terutama di madrasah baru yang dibangunkan antara tahun 1550M hingga 1559M oleh Sultan Suleyman (Roziah & Nurliyana, 2013: 38). Pelbagai bidang keilmuan dititikberatkan menunjukkan bahawa Kerajaan ‘Uthmaniyyah berusaha untuk meletakkan sistem pendidikan khususnya di peringkat madrasah berada pada tahap yang baik selari dengan kerajaan-kerajaan lain pada era tersebut.

Menurut Akbash (2014: 66) pada abad ke-16M, institusi madrasah mencapai kemuncaknya bersama-sama dengan penubuhan Madrasah Suleymaniye yang dibina oleh Sultan Suleyman. Menurut beliau lagi, madrasah dan Kompleks Suleymaniye mempunyai beberapa sekolah pengkhususan dalam bidang sains perubatan seperti oftamologi, matematik, sains tabii dan Dar al-Hadith pula memfokuskan bidang pengajian Islam. Kenyataan tersebut turut dinukilkan oleh Inalcik (1973: 169), menurut beliau terdapat enam buah madrasah yang diasaskan oleh Sultan Suleyman dan dua daripadanya khusus bagi pengajian Islam dan perubatan. Pembinaan madrasah perubatan pertama yang dikenali dengan Dar al-Tib pada tahun 1551M oleh Sultan Suleyman I itu dibuka bagi melatih dan melahirkan doktor-doktor pakar di hospital bagi memenuhi keperluan masyarakat setempat (Ihsanoğlu, 2002: 405; Roziah & Nurliyana, 2013: 40).

Intitusi madrasah dalam sistem pendidikan Kerajaan ‘Uthmaniyyah adalah dibezakan berdasarkan *ranking* dan fungsi. Inalcik (1973: 167) menyatakan bahawa sebelum abad ke-16M kedudukan institusi madrasah didahului oleh Madrasah Semaniye di peringkat tertinggi, kemudian disusuli oleh Madrasah Dar al-Hadith yang diasaskan oleh Sultan Murad II dan dibawahnya pula madrasah yang terdapat di Bursa. Kedudukan seterusnya adalah madrasah yang dibina oleh individu ternama seperti Madrasah Ali Pasha di Edirne, Mahmud Pasha di Istanbul dan Eski Ali Pasha di Bursa. Namun begitu,

Sultan Suleyman telah membuat perubahan penting dalam hierarki institusi madrasah semasa era pemerintahannya. Menurut Inalcik (1973: 169) dan Bicer (2012: 3) madrasah yang ditubuhkan oleh Sultan Suleyman antara tahun 1550M hingga 1559M mempunyai *ranking* tertinggi setelah pembinaannya. Menurut Bicer, madrasah yang diasaskan oleh sultan-sultan sebelumnya dan madrasah yang dibuka oleh pegawai kerajaan atau ulama adalah berkedudukan lebih rendah berbanding madrasah yang dibina oleh Sultan Suleyman. Madrasah yang diasaskan oleh Sultan Suleyman kekal berada pada kedudukan tertinggi sehingga akhir pemerintahan kerajaan ini (Inalcik, 1973: 169).

Kompetensi Shaykh al-Islam Ebussuûd Efendi

Pada abad ke-16M, terdapat seorang ulama yang menonjol iaitu bernama Ebussuûd Efendi. Beliau merupakan *shaykh al-Islam* dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah yang berkhidmat semasa era Sultan Suleyman dan Sultan Selim II. Ebussuûd Efendi dilahirkan pada tahun 1490M di sebuah perkampungan yang dikenali sebagai Imad, Iskilip (Eliaçik, 2016: 110). Ayahnya iaitu Muhyiddin Mehmed merupakan seorang syeikh yang disegani dan dihormati oleh pegawai-pegawai kerajaan dan ulama lain (Simsek, 2018: 121). Menurut Atçıl (2009: 498), Ebussuûd Efendi adalah ulama paling berpengaruh dalam kalangan pegawai *ilmiye* pada era tersebut. Terdapat seramai 129 orang *shaykh al-Islam* yang telah dilantik dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah sepanjang tempoh pemerintahan kerajaan ini dan Ebussuûd Efendi merupakan *shaykh al-Islam* yang paling lama berkhidmat iaitu selama 30 tahun (Eliaçik, 2016: 107). Sebelum itu Ebussuûd Efendi merupakan *kadiasker* atau ketua hakim di wilayah Rumeli dari tahun 1537M sehingga tahun 1545M dan kemudian menjadi *shaykh al-Islam* dari tahun 1545M sehingga 1574M (Atçıl, 2009: 498). Beliau meninggal dunia pada tahun 1574M dan dikebumikan di kawasan perkuburan yang terletak berdekatan dengan sekolah rendah yang dibina olehnya sekitar Masjid Eyüp (Eliaçik, 2016: 108).

Ebussuûd Efendi memberikan sumbangan dalam beberapa perkara yang melibatkan sistem pendidikan dan perjalanan karier pegawai *ilmiye*. Dalam tradisi Kerajaan ‘Uthmaniyyah, terdapat sistem perlantikan pegawai *ilmiye* yang dinamakan sebagai *mulazemet*. Walaupun sistem *mulazemet* sudah wujud sebelum abad ke-16M lagi namun memerlukan kepada pengusunan semula kerana berlaku pertambahan bilangan pelajar yang menamatkan pengajian. Menurut Ihsanoğlu (2001: 262) pada tahun 1540M, jumlah lulusan madrasah meningkat dengan banyak dan berlaku ketirisan dalam pengurusan sistem *mulazemet*, oleh hal yang demikian para pelajar tersebut telah membuat aduan kepada Sultan Suleyman. Maka, Ebussuûd Efendi telah dilantik bagi menyelesaikan masalah tersebut. Ketika itu Ebussuûd Efendi masih lagi menjawat jawatan sebagai *kadiasker* di Rumeli dan beliau telah memperkenalkan sistem pendaftaran sebelum memasuki sistem *mulazemet* yang sebenar (Atçıl, 2009: 496). Berdasarkan sistem baru yang direncanakan oleh Ebussuûd ini lulusan dari madrasah akan menjadi *mulazem* (calon) dan perlu menjalani tempoh latihan yang tertentu bagi menjadi *muderrise* atau *kadi* (Ihsanoğlu, 2001: 262).

Selain itu juga, beliau merupakan antara *shaykh al-Islam* yang banyak mengeluarkan fatwa dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah. Menurut Inalcik (1973: 172), *shaykh al-Islam* yang dilantik oleh sultan dan sehingga abad ke-16M dipilih daripada kalangan *muderrise* yang terkenal melalui keilmuan mereka. Fatwa yang dikeluarkan oleh Ebussuûd Efendi merupakan antara contoh fatwa yang sering diberikan perhatian secara langsung oleh sultan, dan kemudiannya terus dibukukan sebagai rujukan (Ihsanoğlu, 2001: 466). Dalam tradisi ‘Uthmaniyyah terdapat fatwa berbentuk puisi yang secara dasarnya dikeluarkan bukan sahaja bertujuan membahaskan mengenai hukum, dalam pada masa yang sama juga menonjolkan kehalusan seni bahasa dan sastera. Menurut Eliaçik (2016: 106), Ebussuûd Efendi merupakan pelopor kepada penghasilan fatwa

berbentuk puisi pada era kekuasaan Kerajaan ‘Uthmaniyyah. Eliaçik menjelaskan bahawa sehingga hari ini terdapat enam fatwa berbentuk puisi telah dikenalpasti merupakan fatwa yang dikeluarkan oleh Ebussuûd Efendi, antaranya adalah fatwa berkaitan pembayaran gaji imam berdasarkan kadar faedah dan juga rokok tembakau.

Sumbangan Ebussuûd Efendi jelas memperlihatkan kredibiliti beliau sebagai seorang ulama walaupun pada ketika itu telah muncul bibit-bibit kelemahan dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah. Beliau berkhidmat sebagai ketua hakim dan *shaykh al-Islam* untuk tempoh masa yang lama iaitu selama 37 tahun. Ketika berusia 38 tahun beliau menjadi tenaga pengajar di madrasah mufti dan selepas lima tahun pula sebagai *kadi* di Bursa dan Istanbul, seterusnya dilantik sebagai ketua hakim di Rumeli dan menjadi *shaykh al-Islam* ketika berumur 55 tahun (Eliaçik, 2016: 107). Perjalanan karier tersebut membuktikan bahawa Ebussuûd Efendi merupakan contoh ulama Kerajaan ‘Uthmaniyyah yang berwibawa dengan menggalas pelbagai jawatan dan berjaya menjawat jawatan paling tertinggi dalam struktur organisasi institusi *ilmiye*.

Ketokohan beliau juga adalah dipengaruhi oleh kehidupannya di usia muda yang mana dilahirkan dalam lingkungan keluarga ilmuan, dan menerima sebahagian pendidikan daripada ayahnya iaitu seorang syeikh yang disegani (Simsek, 2018: 122). Pada separuh kedua abad ke-16M, kebanyakan ulama pada era itu gagal menghasilkan kitab yang penting dan bernilai kecuali Ebussuûd Efendi (Ihsanoğlu, 2001: 280). Beliau berjaya menghasilkan sebuah kitab tafsir iaitu *Irshad al-‘Aql al-Salim ila Mazaya al-Kitab al-Karim* yang ditugaskan oleh Sultan Suleyman kepadanya (Simsek, 2018: 312). Secara jelasnya Ebussuûd Efendi merupakan ulama yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang pendidikan, kehakiman dan hal ehwal agama dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah.

Kemerosotan Sistem Pendidikan pada Akhir Abad ke-16M

Abad ke-16M dianggap sebagai kemuncak kegemilangan Kerajaan ‘Uthmaniyyah iaitu semasa pemerintahan Sultan Suleyman. Namun era kecemerlangan tersebut itu sebenarnya menjadi titik tolak kepada kelemahan Kerajaan ‘Uthmaniyyah. Perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam sistem organisasi *ilmiye* daripada awal penubuhan sehingga pemerintahan Sultan Suleyman sebenarnya sedikit sebanyak menjadi punca kemerosotannya (Ihsanoğlu, 2001: 279). Situasi ini menjadi semakin rumit apabila sistem birokrasi, politik dan institusi diraja sendiri menghadapi pelbagai masalah dalaman. Maka sedikit sebanyak memberikan kesan pada struktur pentadbiran dalam kerajaan termasuklah aspek pendidikan.

Kemerosotan sistem pendidikan berlaku dalam tiga bentuk iaitu pada pihak guru, pelajar dan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini bertitik tolak daripada kenyataan oleh Akgündüz dan Öztürk (2011: 370 - 271) yang menjelaskan bahawa terdapat tiga isu utama yang menyebabkan kelemahan sistem pendidikan dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah iaitu gelaran dan jawatan akademik mula diperolehi secara pilih kasih oleh pihak yang tidak sepatutnya dan yang kedua pula berkaitan kualiti pengajaran. Selain itu juga, kewujudan pengaruh luar dalam kalangan pegawai *ilmiye* telah membentuk pemikiran yang salah sehingga menyebabkan penyampaian hujah yang tidak tepat kepada para pelajar. Ketiga-tiga isu ini saling berkait dan kemudiannya menyebabkan kemerosotan kualiti institusi *ilmiye* secara umum dan khususnya pada sistem pendidikan.

Terdapat beberapa institusi pendidikan Kerajaan ‘Uthmaniyyah mengalami kemerosotan pada abad ke-16M seperti madrasah, sekolah agama dan sekolah istana. Menurut Akbash (2014: 69) menjelang akhir abad ke-16M, masalah mula timbul dalam sistem pendidikan madrasah dan isu ini tidak dapat diselesaikan sehingga menjadi semakin rumit. Pada era tersebut institusi madrasah lebih menumpukan kepada bidang teologi dan perundangan manakala individu yang ingin mempelajari bidang sains adalah atas usahanya sendiri (Hamidah, 2002: 42). Bicer (2012: 11) menyatakan bahawa

sebilangan ulama ‘Uthmaniyyah setelah era Sultan Suleyman menentang perkembangan ilmu sains sehingga membawa kepada kelewatan teknologi percetakan dan penyelidikan dalam bidang astronomi. Beliau berpendapat situasi tersebut berlaku disebabkan oleh terdapat pihak mempengaruhi fatwa yang dikeluarkan oleh *shaykh al-Islam* dan ulama sehingga menghalang beberapa usaha pembaharuan.

Selain daripada itu, sekolah istana juga merupakan antara institusi pendidikan yang terkesan dengan senario dan konflik pentadbiran pada separuh kedua abad ke-16M ini. Situasi tersebut berlaku kerana sekolah istana adalah sebuah institusi yang banyak bergantung kepada penaungnya iaitu sultan, oleh itu pengurusan institusi menjadi rumit apabila berlaku campur tangan pihak istana dan pembesar dalam urusan pengambilan pelajar (Hamidah, 2002: 32). Campur tangan dan penglibatan tersebut membawa kepada kemerosotan sistem sekolah istana. Manakala Lathiful (2005: 29) pula menjelaskan bahawa madrasah atau sekolah agama menghadapi masalah berkaitan kualiti pengajaran dan pembelajaran berpunca daripada kekacauan dalaman dan isu percuaihan. Menurut beliau lagi, bagi mengelakkan dikenakan cukai yang tinggi dan penyitaan harta benda, maka golongan atasan mula mengubah harta mereka menjadi badan amal dan melantik ahli keluarga sendiri dalam aktiviti pendidikan tanpa mengira pengetahuan agama yang dimiliki.

Situasi ini menjadi semakin kompleks apabila berlaku korupsi atau pecah amanah dalam kalangan pegawai *ilmiye* sebagai contoh dari era Sultan Selim II dan seterusnya, kedudukan dan jawatan pegawai akademik mula diperolehi oleh individu yang tidak berkelayakan (Akgündüz & Öztürk, 2011: 370). Perkara tersebut sejajar dengan kenyataan Bicer (2012: 11) yang mana menurut beliau terdapat sebilangan individu yang tidak berkelayakan dilantik sebagai guru di madrasah. Prestasi dan kualiti madrasah atau sekolah beransur-ansur merudum disebabkan oleh perubahan tersebut dan akhirnya memberikan kesan secara langsung pada kualiti guru, kurikulum pembelajaran dan juga pelajar (Ihsanoğlu, 2002: 387). Atçıl (2009: 510) menjelaskan bahawa setelah tahun 1550M, anak-anak kepada pegawai kerajaan lebih diberikan keutamaan untuk menjadi pegawai *ilmiye*. Perjalanan karier menjadi lebih mudah jika berasal daripada keluarga ulama yang terkenal, mempunyai hubungan yang baik dengan pihak organisasi *ilmiye* atau pentadbiran istana (Karaarslan, 2019: 70).

Ihsanoğlu (2002: 387) juga menghujahkan bahawa kebanyakan pengkaji sejarah Kerajaan ‘Uthmaniyyah bersetuju apabila terlalu ramai pelajar yang dilatih dan berlaku perubahan dalam penstrukturran lapisan jawatan guru telah memberikan kesan kepada prestasi institusi madrasah. Selepas tahun 1570M berlaku lambakan individu berkelulusan yang layak menjadi pegawai *ilmiye*, namun tidak banyak jawatan kosong yang wujud pada masa itu. Maka berlaku perubahan berkaitan proses kenaikan pangkat dan pemecatan bagi memudahkan pengambilan lebih banyak pegawai baru (Atçıl, 2009: 510). Perkara tersebut menjadi semakin buruk apabila wujud sikap pilih kasih dalam institusi *ilmiye*. Hal ini kerana, kerjaya profesional pegawai *ilmiye* pada separuh kedua abad ke-16M ini dipengaruhi oleh jaringan sosial yang dimilikinya (Karaarslan, 2019: 72). Pelbagai masalah yang timbul pada separuh kedua abad ke-16M ini membuktikan berlakunya kemerosotoan sistem Pendidikan ‘Uthmaniyyah.

KESIMPULAN

Kajian mengenai sistem pendidikan ‘Uthmaniyyah pada abad ke-16M ini sangat signifikan bagi memperlihatkan proses perkembangan dan perubahannya. Terdapat banyak kajian yang lebih cenderung membahaskan aspek pendidikan pada era kegemilangan dan pemodenan berbanding melihat kepada era ini. Hasil kajian mendapati bahawa pada peringkat awal abad ke-16M, sistem pendidikan dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah berada pada tahap yang cemerlang dengan kemunculan dan pembangunan pelbagai institusi

pendidikan dan kewibawaan ulama yang berpengaruh pada ketika itu seperti Shaykh al-Islam Ebussuûd Efendi. Namun begitu situasi tersebut tidak berkekalan kerana berlaku kemerosotan sistem pendidikan dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah selari dengan kemerosotan yang berlaku dalam organisasi pemerintahannya. Situasi tersebut adalah disebabkan oleh ketirisan dan kepincangan dalam institisi *ilmiye* dan kemudiannya memberikan kesan kepada sistem pendidikan. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran terhadap perkembangan dan situasi kedudukan sistem pendidikan Kerajaan ‘Uthmaniyyah pada abad ke-16M yang kurang diberikan perhatian berbanding sistem pendidikan pada era klasik dan moden.

RUJUKAN

- Abu Hanifah Haris. (2020). Sejarah Kerajaan Turki Uthmaniyyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad ke-14 hingga Abad ke-20. *Journal of Al-Tamaddun*. 15(1), 85-107.
- Ágoston, G. & Masters, B. (2009). *Encyclopedia of the Ottoman Empire*. New York: Facts on File, Inc.
- Akbash, A. (2014). Functions of Medreses of Ottoman Empire. *Khazar Journal of Humanities and Social Sciences*. 17(2), 65-73.
- Akgündüz, A. & Öztürk, S. (2011). *Ottoman History Misperceptions and Truths*. Terj. I. Ercan. Rottendam: IUR Press.
- Atçıl, A. (2009). The Route to the Top in the Ottoman Ilmiye Hierarchy of the Sixteenth Century. *Bulletin of SOAS*. 72(3), 489–512.
- Atçıl, A. (2017). *Scholars and Sultans in the Early Modern Ottoman Empire*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Bektaş, E. (2020). The Role of Ottoman Ulema in Peaceful Conflict Resolution. *Middle Eastern Studies*. 56(6), 1-12.
- Bicer, R. (2012). Sciences and Change of Perception in the Late Ottoman Intellectuals. The 13th International Conference of International Society for the Study of European Ideas. 2-6 Julai, Nicosia, Cyprus.
- Boyacioglu, F. (2015). The Historical Development of the Foreign Language Education in Ottoman Empire. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 174, 651–657.
- Demirtaş, F. (2007). Sıbyan Schools and Organization of Primary Education During the Ottoman Period. *Fırat University Journal of Social Science*. 17(1), 173-183.
- Eliaçık, M. (2016). Ebussuûd Efendi'nin Manzum Fetvâları. *International Periodical for the Languages, Literature and History of Turkish or Turkic*. 11(15), 105-118.
- Erünsal, İ. E. (2007). Ottoman Foundation Libraries: Their History and Organization. *The Journal of Ottoman Studies*. 30, 31-86.
- Ghazzal, Z. (2008). The ‘Ulama’: Status and Function. Dlm. Y.M. Choueiri (pnyt.). *A companion to the History of the Middle East* (hlm. 71-86). New Jersey: Blackwell Publishing Ltd.
- Gokçe, F. & Oğuz, N. (2010). Minority and Foreign Schools on the Ottoman Education System. *E-International Journal of Educational Research*. 1(1), 42-57.
- Hamidah Ghazali. (2002). Sejarah Pendidikan Kerajaan Uthmāniyyah: Modenisasi, Kesan dan Reaksi. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Heybeli, N. (2009). Sultan Bayezid II Külliyesi One of the Earliest Medical Schools- Founded in 1488. *Clinical Orthopaedics and Related Research*. 467, 2457-2463.
- Ihsanoğlu, E. (2001). *History of The Ottoman State, Society and Civilization*. Jil. 1. Istanbul: Research Center for Islamic History, Art and Culture.
- Ihsanoğlu, E. (2002). *History of The Ottoman State, Society and Civilization*. Jil. 2. Istanbul: Research Center for Islamic History, Art and Culture.

- Ihsanoğlu, E. (2004). *Science, Technology and Learning in the Ottoman Empire: Western Influence, Local Institutions and the Transfer of Knowledge*. Britain: Ashgate Publishing Limited.
- Inalcik, H. (1973). *The Ottoman Empire: The Classical Age 1300-1600*. Terj. N. Itzkowitz & C. Amber. London: Weidenfeld & Nicolson.
- Karaarslan, A. (2019). Diverging Career Paths and Social Networks: A Cohort of the Students with Literary Talent in the Sahn Madrasas in the Sixteenth Century. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. The Graduate School Of Humanities And Social Sciences, İstanbul Şehir University.
- Khuluq, Lathiful. (2005). Modernization of Education in the Late Ottoman Empire. *Al-Jāmi'ah*. 43(1), 23-55
- Maksudoğlu, M. (1999). *Osmanli History 1289-1922: Based on Osmani Sources*. Petaling Jaya: International Islamic University Press.
- Özcan, R. (2015). Ottoman Family and Child Education (1300-1600). *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 174, 1606-1613.
- Roziah Sidik @ Mat Sidek & Nurliyana Mohd Taib. (2013). Perkembangan Sains Tabi'i Era Uthmaniyyah. *Jurnal al-Tamaddun*. 8(2), 37-47.
- Sabancı, O., Sarici Bulut, S. & Daglioglu, H.E. (2017). Gifted Education Program in Enderun System. *Journal for the Education of Gifted Young Scientists*. 5(3), 49-69.
- Sabbagh, L. (2002). Aspect of Intellectual Life in the Arab Provinces During the Ottoman Period. Dlm. E. Ihsanoğlu (pnyt.). *History of the Ottoman State, Society and Civilization* (hlm. 239-360). Jil. 2. İstanbul: Research Center for Islamic History, Art and Culture.
- Shaw, S.J. (1976). *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*. Jil. 2. New York: Cambridge University Press.
- Simsek, H. (2018). The Missing Link in the History of Quranic Commentary: The Ottoman Period and the Quranic Commentary of Ebussuûd/Abū al Su'ûd al-^cImâdî (d. 1574 CE) Irsyâd al-^cAql al-Salîm ilâ Mazâyâ al-Kitâb al- Karîm. Tesis Dr. Fal. tidak diterbitkan, Department of Near and Middle Eastern Civilizations, University of Toronto.
- Sonmez, S. (2013). Primary Education System in Ottoman Empire. *International Journal of Humanities and Social Science*. 3(5), 163-170.